

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 17.6.2015

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan bilangan Chromebook yang sudah dibekalkan kepada sekolah-sekolah serta jumlah kos yang terbabit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak 116,399 unit Chromebook telah diedarkan ke sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), di bawah projek pembekalan peralatan ICT ke makmal komputer secara konsep makmal komputer mudah alih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini meliputi pembekalan peralatan, perisian, perkhidmatan dan latihan dengan kos sebanyak RM248,000,000.00.